

# Tidak ada bukti pemimpin terbabit

Oleh RAHIM HAJI ZAIN  
dan ISHAK HAJI DALIB

IPOH, Khamis — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas golongan tertentu yang cuba membabitkan pemimpin-pemimpin kerajaan dalam skandal Bumiputra Malaysia Finance (BMF).

Beliau menegaskan kerajaan tidak gentar dengan tuduhan yang tidak berasas itu dan ini terbukti dengan menyiarkan sepenuhnya laporan itu.

Beliau berkata kerajaan tidak melakukan kesalahan dan tidak perlu takut menghadapi segala bentuk tuduhan ekoran penyiaran laporan berkenaan.

Sebaliknya, tegas beliau kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang didapati terbabit.

"Tetapi apa yang dikesalkan ialah tindakan itu digunakan oleh golongan tertentu dengan membabitkan pemimpin-pemimpin kerajaan walaupun tidak ada bukti sama sekali," katanya di Perhimpunan Muhibah besar-besaran yang dihadiri oleh kira-kira 50,000 rakyat pelbagai peringkat dan keturunan di Padang Perbandaran, di sini.

Turut hadir ialah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Datuk Seri Ramli Ngah Talib dan isteri, pemimpin tertinggi parti-parti komponen Barisan Nasional dan ketua-ketua Umno bahagian.

Beliau adalah dalam rangka lawatan tiga hari ke Perak bermula hari ini.

## Usaha pengkhianat

Perdana Menteri berkata, tindakan mereka mengaitkan nama beberapa pemimpin melalui surat-surat yang diselitkan dalam Laporan Akhir BMF adalah usaha pengkhianat yang ingin menghancurkan kerajaan.

"Dengan itu rakyat yang tidak dapat membaca laporan setebal 16 jilid itu akan sentiasa menyangka bahawa orang yang disebutkan itu bersalah," katanya yang sering kali disambut dengan pekikan 'Hidup Mahathir', 'Hidup Malaysia' dan 'Merdeka'.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan orang ramai supaya jangan mudah terpedaya dengan tohmah-tohmah itu kerana nama yang disebut dalam laporan itu tidak bererti mereka bersalah.

"Saya kesal kerana ia tidak sepatutnya berlaku tetapi mereka kini sudah berjaya mengaitkan pemimpin dan orang lain tanpa memberi penerangan yang cukup terhadap tuduhan yang dilemparkan," katanya.

Sebenarnya, tambahnya, tujuan mereka berbuat begitu ialah supaya parti pembangkang menggunakan laporan itu untuk kepentingan politik.

"Mereka juga sebenarnya tidak peduli berapa besar jumlah wang kita yang hilang tetapi yang penting bagi mereka menghentam kerajaan," tegasnya.

Sebab itu, tambahnya, mereka sedang berusaha sedaya upaya untuk menyebarkan laporan itu walaupun dengan cara yang tidak sah bagi kepentingan politik.

Dengan itu mereka dapat memburuk-burukkan pemimpin kerajaan dan menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap pucuk pimpinan.

"Saya berharap orang ramai tidak tersalah anggap kerana mereka yang terbabit sebenarnya benci melihat kejayaan dan kemajuan yang dicapai," katanya.